



"Bagaimana rakyat ingin berjimat jika terlalu banyak perkhidmatan yang dinaikkan harga"

Ahmad Azhar

Keluhan warga kota

■ **Kenaikan tambang KTMB gugat perbelanjaan pengguna** Makin metro 14/12/12
mls 2

Oleh Siti Farahyah Aziz

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kenaikan kadar tambang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 12 tahun bermula 2 Disember lalu semakin menghimpit pengguna.

Tinjauan Harian Metro sekitar ibu kota, di sini, semalam mendapati pengguna perkhidmatan KTMB sekali lagi mengeluh apabila bayaran tambang penuh dikenakan kepada kanak-kanak

berbanding separuh harga sebelum ini.

Suri rumah Anita Rusnani Setafar, 41, berkata, pengguna berkeluarga yang menggunakan perkhidmatan itu sebagai pengangkutan utama sudah tentu terbeban.

"Kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan orang ramai yang berkeluarga seperti saya menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak.

"Jadi, dengan kenaikan tambang kali ini sememangnya menambah beban rakyat yang sering mencari al-

ternatif untuk berjimat," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Pandangan sama disuarakan ahli perniagaan Ahmad Azhar Aziz, 34, yang menyifatkan pengumuman kadar tambang baru itu tidak selaras seruan kerajaan menggunakan pengangkutan awam.

"Bagaimana rakyat ingin berjimat jika terlalu banyak perkhidmatan yang dinaikkan harga. Jika sebelum ini saya dan dua orang anak gembira menaiki KTM untuk bersiar-siar, selepas ini mungkin saya terpaksa

membawa kereta," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pihak KTMB perlu mempertimbangkan semula syarat baru itu kerana ramai menggunakan perkhidmatan itu setiap hari.

"Dalam penstrukturan semula ini, diskaun 50 peratus membabitkan kanak-kanak berusia dua hingga enam tahun serta pelajar itu wajar dilakukan bagi membantu kanak-kanak dan pelajar," katanya.